

Headline	YDKMM anjur kem kepimpinan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Mega	Page No	29
ArticleSize	477 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 28,283		



## YDKMM anjur kem kepimpinan

**P**EMBANGUNAN modal insan terutama dalam kalangan remaja sangat kritikal, apatah lagi pada era dunia tanpa sempadan kini. Sehubungan itu, bagi membentuk remaja yang berkepemimpinan dan berakhlak tinggi, Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) mengambil inisiatif menganjurkan program Teen's Outreach Camp (TOC).

Program tersebut berlangsung serentak selama tiga hari di Kem Bina Semangat, Kuala Kubu Bharu, Selangor dan Masindung Resort, Papar, Sabah.

Kedua-dua kem kepimpinan berkenaan merupakan TOC kesembilan dan program penutup bagi siri Pembangunan Belia di bawah YDKMM pada tahun ini.

Pengerusi YDKMM, Ahmad Umair Zulkefli berkata, seramai 364 pelajar tingkatan 1 hingga 5 menyertai kedua-dua kem tersebut dengan penyertaan teramai dari Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor iaitu 20 orang.

Di Kuala Kubu Bharu, kem berkenaan mendapat sokongan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang



PESERTA Teen's Outreach Camp membina rakit menggunakan kayu dan tong di Kem Bina Semangat, Kuala Kubu Bharu, Selangor.



AHMAD UMAIR ZULKEFLI

menghantar wakil seramai 38 pelajar dari sekolah sekitar kawasan itu.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut menaja anak-anak asnaf menyertai kem berkenaan, di bawah program tanggungjawab sosial korporat CSR syarikat tersebut.

"Pelbagai sesi diadakan bagi meningkatkan kesedaran peserta tentang ciri-ciri

kepemimpinan dalam Islam.

"Misalnya dalam sesi Professional Mukmin, kita menekankan kepada peserta tentang pentingnya menjadi huffaz profesional dan usahawan muda yang berjiwa sukarelawan.

"Kami juga mengadakan aktiviti *treasure hunt* dan berakit yang bukan sahaja menguji kemampuan fizikal, mental dan spiritual, tetapi juga memupuk kerjasama berpasukan," katanya.

Pengisian lain turut diadakan dalam kem itu ialah Beyond

Excellence, My Big Why, Let's Ponder, qiamullail serta solat Dhuha berjemaah.

Menurut Ahmad Umair, pihaknya berharap peserta dapat memimba semua ilmu yang dicurahkan sepanjang kem itu berlangsung dan menanam cita-cita dalam diri untuk menjadi pemimpin hebat tokoh pemerintah Islam, Sultan Muhammad Al-Fateh.

Sementara itu, peserta lelaki terbaik, Syukri Hilmi Samsul dari Sekolah Menengah Sains Selangor berkata, dia

berasa seronok mengikuti kem tersebut dan teruja untuk berkongsi ilmu dan pengalaman bersama rakan-rakannya di sekolah.

"Saya akan berdakwah kepada rakan dan adik-adik di sekolah, dan dakwah saya tidak hanya meliputi kerohanian. Bakat-bakat mereka perlu dicungkil dan digunakan bagi membantu lebih ramai pelajar lain.

"Mereka harus menjadi pemimpin muda berwawasan besar yang tidak meninggalkan agama," katanya.